



MAJLIS DAERAH YONG PENG
KM 1, JALAN LABIS,
83700 YONG PENG,
JOHOR DARUL TA'ZIM
Tel : 07-4671276 / 07-4681026
Fax : 07-4671712 E-Mail: mdyp@johor.gov.my
Laman Web : www.mdyongpeng.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG

BIL	JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
1.	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29	TETAP	1
2.	PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19	TETAP	1
3.	PEMBANTU AWAM GRED H11	KONTRAK	3
4.	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	KONTRAK	1



MAJLIS DAERAH YONG PENG
KM 1, JALAN LABIS,
83700 YONG PENG,
JOHOR DARUL TA'ZIM
Tel : 07-4671276 / 07-4681026
Fax : 07-4671712 E-Mail: mdyp@johor.gov.my
Laman Web : www.mdyongpeng.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG

BIL	JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
1.	PEN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29	TETAP	1

PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KEJURUTERAAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI : **JA29**
JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN TAHUNAN
RM 1,549.00	RM 5,701.00	RM 145.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - i. Sijil dalam bidang perancangan Bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02).

(d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(e) Mempunyai syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- i. Mahir dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS) ialah sistem komputer yang menganalisis dan memaparkan maklumat yang dirujuk secara geografi. Ia menggunakan data yang dilampirkan pada lokasi unik.
- ii. Pengetahuan asas serta pengalaman mengendalikan dron.

BIL	JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
1.	PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19	TETAP	1

PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : U19
 JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN TAHUNAN
RM1,360.00	RM4,052.00	RM 100.00

SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Pembantu Kesihatan Awam** yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred U19: RM1,418.12)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan c(i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- (a) Telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- (b) Mempunyai kelayakan di perkara (c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan

(c) Had umur pelantikan:

- i. Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii. Berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii. Berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

BIL	JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
3.	PEMBANTU AWAM GRED H11	KONTRAK	3

PEMBANTU AWAM GRED H11

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI : H11
JADUAL GAJI

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
RM1,218.00	RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

BIL	JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
4.	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	KONTRAK	1

PEMANDU KENDERAAN GRED H11

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KEMAHIRAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI : **H11**
JADUAL GAJI

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
RM1,218.00	RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (d) Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (i) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (ii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
 - a. Lesen D: RM1,264.15
 - b. Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
 - c. Lesen F/H: RM1,356.45
 - d. Lesen G/I: RM1,402.6

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MOHON

1. Pemohon hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan di dalam Perkhidmatan Majlis Daerah Yong Peng yang boleh dicetak melalui **Laman Web** www.mdyongpeng.gov.com atau boleh didapati di **Kaunter Pertanyaan Majlis Daerah Yong Peng** seperti berikut:-

**PEJABAT MAJLIS DAERAH YONG PENG
KM.1 JALAN LABIS
83700 YONG PENG
JOHOR DARUL TA'ZIM
TEL : 07-4671276**

2. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan sertakan dengan:-

- i. Sekeping gambar terkini berukuran passport;
- ii. Salinan Kad Pengenalan Diri, Sijil Kelahiran, Sijil Diploma, Ijazah (bagi Diploma dan Ijazah termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semesta), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Berhenti Sekolah, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti aktiviti-aktiviti kokurikulum ketika bersekolah.

**SALINAN SIJIL HENDAKLAH DIAKUI SAH OLEH PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 KE ATAS SAHAJA**

3. Pemohon daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
4. Sila hantar borang permohonan berserta dokumen lengkap ke alamat seperti tertera di atas sebelum atau pada tarikh tutup iklan jawatan.
5. Bagi Calon JA29 adalah diminta untuk sediakan Satu (1) Video ringkas (tidak lebih dari 90 saat) nyatakan. Pengenalan Diri, Pengalaman kerja yang berkaitan dan apa yang ingin dicapai sekiranya mendapat jawatan ini. Emelkan ke alamat emel berikut mdyp@johor.gov.my
6. Permohonan berikut akan ditolak:
 - (a) Tidak menggunakan Borang Permohonan daripada Majlis Daerah Yong Peng;
 - (b) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
 - (c) Permohonan tidak lengkap atau tidak terang;
 - (d) Tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana dalam iklan;

- (e) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat sebagai Penjawat Awam;
- (f) Tidak ditandatangani;
- (g) Sekiranya borang tidak diisi dengan **LENGKAP** atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan, Pengurusan Pentadbiran Majlis boleh menolak permohonan calon serta merta.

Tarikh Tutup : 31 Januari 2024

NOTA / CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk sesi temuduga;
2. Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungjawab calon sendiri;
3. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan anda **TIDAK BERJAYA**).



**(HAJI NUR FAIZ BIN JAMIL)
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH YONG PENG
JOHOR DARUL TA'ZIM**